

Rujukan Kami : UniSZA/P/1/PP/604-2(25)
Bertarikh : 12 September 2011

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Semua Staf Akademik dan Bukan Akademik
Semua Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2011/12 dan
Semua Pelajar
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Tuan/Puan/Sdra/ri

**PEKELILING PENDAFTAR BIL.06/2011
MAKLUMAN PEMBERIAN CUTI TAMBAHAN SEMPENA PERAYAAN
DEEPAVALI**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas. Surat daripada Kementerian Pengajian Tinggi JPT(G) 1000/013/02/01 Jld.17 (2) bertarikh 23 Ogos 2011 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Seperti tuan/ puan/ saudara/ saudari sedia maklum, perayaan Hari Deepavali bagi tahun 2011 akan disambut pada 26 Oktober 2011 (Rabu). Selaras dengan hasrat memberi peluang kepada pelajar beragama Hindu menyambut perayaan Deepavali, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti kali ke-56/2011 yang bersidang pada 8 September 2011 telah bersetuju memberi cuti tambahan pada 27 Oktober 2011 (Khamis) kepada semua pelajar.

3. Pihak Fakulti dimohon menyelaraskan dan mengatur jadual kelas gantian bagi menggantikan cuti yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah


DR. NIK WAN BIN OMAR
Pendaftar

s.k : Naib Canselor
: Bendahari

Jabatan Pendaftar | Registrar's Department

Imperial House, Jalan Engku Sar, Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.
Tel: 609.622.0021 Faks: 609.622.1139 E-mel: pendaftar@unisza.edu.my

Dahulu dikenali sebagai Universiti Darul Iman Malaysia



JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KETUA PENGARAH

ARAS 9, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62200 PUTRAJAYA
Tel : (603) 8870 4090/6381 Faks : (603) 8870 6840 Web : <http://www.mohe.gov.my>



Ruj Kami : JPT(G)1000/013/02 Jld.17 (2)

Tarikh : 23 Ogos 2011

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof.,

MAKLUMAN CUTI HARI DEEPAVALI

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. sedia maklum, perayaan Hari Deepavali bagi tahun 2011 akan disambut pada 26 Oktober 2011 (Rabu). Oleh yang demikian, pihak IPTA adalah diminta untuk memberi cuti yang bersesuaian kepada semua pelajar di IPTA masing-masing bagi memberi peluang kepada pelajar beragama Hindu untuk menyambut perayaan tersebut, selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri dalam Majlis Pelancaran Gerakan Pelajar India 1Malaysia (1MISM) di Universiti Malaya pada 27 Julai 2011 yang lalu. Namun demikian, kelas gantian perlu diatitkan dengan sewajarnya untuk mengganti cuti yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' PROF. DR. RUHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k. (1) Pandeftw
(2) TWCC(A&A)

1. STC ambil maklum & bincangkan bersenian.
2. Kelan boleh maklum lebih awal kpd semua pihak.

sbl
*/8/11

DATO' PROF. DR. ALIAS BIN DAUD
Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin



KESTERIAN TO RA 2011/2012 (CCTV) M1, AD 1/11